

Tajuk : Boling ceria UNIMAS  
: Beregu lelaki raih emas pertama, futsal pasrah kandas



**SYABAS:** Muhammad Shahir (kiri) dan Nazriman meraikan kejayaan mereka semalam.

# Boling ceria UNIMAS

## Beregu lelaki raih emas pertama, futsal pasrah kandas

Oleh Harry Ilias

**KUCHING:** Pasukan boling beregu lelaki Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menceriakan tuan rumah setelah menghadaikan emas pertama pada acara akhir boling beregu lelaki Sukan MASUM 2012 bertempat di Kompleks Sukan UNIMAS, semalam.

Gabungan mantap Muhammad Shahir dan Nazriman Wagiman yang melakukan sebanyak 1,639 jatuhan pin ternyata unggul dan sukar disaingi peserta-peserta lain.

Tempat kedua digondol oleh pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 1,589 jatuhan pin dan pemenang tempat ketiga, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP, dengan 1,479 jatuhan pin).

Ketika ditemui semalam, Muhammad Shahir, pelajar fakulti Asasi Sains UNIMAS

“Saya telah mula bermain boling sejak berumur 12 tahun. Segala latihan dan usaha saya selama ini tidak sia-sia setelah apa yang saya perolehi hari ini.”

**Muhammad Shahir**  
Pemain boling UNIMAS

berasa sangat gembira dengan kemenangan tersebut, sekali gus membantu mengharumkan nama UNIMAS.

“Saya telah mula bermain boling sejak berumur 12 tahun. Segala latihan dan usaha saya selama ini tidak sia-sia setelah apa yang saya perolehi hari ini,” ujarnya.

Manakala bagi Nazriman pula, kemenangan tersebut begitu manis buat dirinya.

Pelajar fakulti Sains dan Teknologi Sumber itu berkata, beliau akan terus berusaha meningkatkan mutu per-

mainannya dalam sukan itu memandangkan boling adalah sukan penting di UNIMAS.

Sementara itu, dalam acara futsal, pasukan futsal lelaki UNIMAS pasrah apabila gagal ke separuh ahir setelah tunduk 1-5 kepada UiTM.

UiTM, juara Liga Futsal IPT kebangsaan tahun lalu dan pasukan pilihan untuk memenangi acara ini, ternyata terlalu gagah untuk dicabar UNIMAS.

Tambahan pula, mereka dibarisi oleh pemain-pemain yang pernah mewakili

negara.

Strategi permainan UiTM yang pantas dan bertahan ternyata berkesan dan menyukarkan UNIMAS untuk mencari gol.

UiTM sekadar mendahului 1-0 selepas babak pertama permainan, namun tatkala UNIMAS cuba bangkit pada babak berikutnya, UiTM menambah empat lagi gol sebelum UNIMAS meraih golsagu hati pada minit-minit terakhir permainan.

Pada acara akhir badminton berpasukan pula, Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan juara setelah membenam UiTM 3-2 dalam saingan yang sengit.

Tempat ketiga pula dimiliki oleh pasukan Universiti Malaya (UM) setelah menundukkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 3-1.

Acara akan disambung semula hari ini.